

Kajian Arca 'Menggenggam Keris': Representasi Identiti Budaya Melalui Seni Arca Awam Dalam Konteks Budaya Perak

Study of the Sculpture 'Menggenggam Keris': Representation of Cultural Identity Through Public Sculpture Art in the Cultural Context of Perak

Aznan Omar¹, *Md Yusof Hamid², Syed Abdul Haris Syed Mustapa³,
Ahmad Zamil Zakaria⁴, Mohd Hafiz Bujang⁵

^{1,2,3,4}Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri
Iskandar, Perak, Malaysia

⁵Puncak Emas Infra Sdn Bhd

aznan760@uitm.edu.my¹, *yusof344@uitm.edu.my², syeda488@uitm.edu.my³,
zamil227@uitm.edu.my⁴, admin@peinfra.com⁵

*Corresponding author

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan penciptaan dan penghayatan arca awam bertajuk "Menggenggam Keris" yang dibina di Dataran Jeti Bagan Datuk, Perak. Arca ini merupakan hasil projek kolaboratif antara Universiti Teknologi MARA, pihak berkuasa tempatan dan komuniti setempat sempena program Tahun Melawat Perak 2024. Karya ini mengangkat keris sebagai simbol utama yang mewakili sejarah, adat dan identiti budaya Kesultanan Perak, sekali gus berfungsi sebagai medium visual yang menghubungkan warisan tradisi dengan konteks kontemporari seni awam. Kajian ini memberi tumpuan kepada analisis simbolisme bentuk dalam pembentukan makna budaya. Selain itu, kajian turut meneliti peranan arca awam sebagai medium pemeraksanaan budaya, interaksi sosial dan penyatuan komuniti melalui penglibatan pelbagai pihak dalam proses perancangan dan pelaksanaan karya seni arca awam yang berupaya berfungsi bukan sahaja sebagai mercu tanda fizikal, tetapi juga sebagai wahana kesenian, komunikasi budaya dan pengukuhan identiti tempatan dalam ruang awam.

Kata kunci: Arca Awam, Identiti, Budaya Perak

ABSTRACT

This study provides an in-depth discussion of the innovative outcomes of the public sculpture project titled "Menggenggam Keris", produced through a grant-based initiative and collaboration with the Perak State Government and supported by funding from a local concession company. The sculpture features the image of a hand gripping a keris, symbolizing strength, heritage, unity, and the sovereignty of the Malay community while contemporarily representing local cultural aspirations. This study focuses on the meanings, symbolism, and design aspects including material and color selection as well as the potential of this sculpture as a medium of visual communication in public space. It also examines the collaborative process between academic institutions, local authorities, and the community in realizing this sculpture as a landmark in Bagan Datoh, Perak. Comparative references are made to public sculpture works by prominent Malaysian artists such as Raja Shahrizan Raja Aziddin, Ariffin Ismail, and Ramlan Abdullah to evaluate the position of this work within the national public sculpture discourse. The study demonstrates that sculptures grounded in local symbols and community values are capable of creating significant visual impact and meaning within the contemporary cultural landscape.

Keywords: public sculpture, identity, Perak culture



1 PENGENALAN

Karya Arca bertajuk “Menggenggam Keris” merupakan hasil daripada projek pembinaan arca awam yang dibina di Dataran Jeti (Waterfront) Bagan Datuk, Perak. Projek ini merupakan inisiatif geran komuniti (CSR) yang bertujuan meraikan pekan Bagan Datuk sempena Tahun Melawat Perak yang telah berlangsung meriah pada tahun 2024, dengan promosi besar-besaran oleh Tourism Perak bagi mengetengahkan tarikan di setiap daerah, dan sambutan ini turut disokong penuh sempena 500 Tahun Kesultanan Perak yang akan disambut pada 2028 nanti. Projek ini menyimpan hasrat untuk menjadikannya salah satu destinasi pelancongan pilihan. Pelaksanaan projek ini melibatkan kerjasama antara sekumpulan pengarca dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar bersama pihak kerajaan tempatan iaitu Majlis Daerah Bagan Datuk dan Teluk Intan, serta syarikat konsesi Puncak Emas Infra Sdn. Bhd.

Tema arca ini berkait rapat dengan sejarah pertabalan Sultan Perak yang pertama di Beting Beras Basah, menjadikan lokasi Bagan Datuk sebagai tapak signifikan dalam naratif diraja negeri Perak. Projek ini disasarkan untuk mewujudkan ruang seni awam yang membolehkan masyarakat mengalami persekitaran secara estetik dan memperkukuh ekspresi terhadap identiti budaya Malaysia khususnya budaya Melayu melalui simbol kepahlawanan dan kesultanan. Subjek keris digunakan sebagai lambang utama dalam budaya Melayu yang sarat dengan nilai spiritual, simbolik dan sejarah. Di negeri Perak, keris seperti Taming Sari, Cura Si Manja Kini, dan Keris Kuasa adalah sebahagian daripada alat kebesaran diraja. Penubuhan negeri Perak yang bermula di Beting Beras Basah oleh Sultan Mudzaffar Shah pada tahun 1528 menjadikan keris sebagai simbol penting dalam sistem pemerintahan, adat istiadat dan identiti negeri. Kajian ini meneliti bagaimana unsur warisan ini diterjemahkan ke dalam bentuk arca awam kontemporari.

Projek Menggenggam Keris dihasilkan bertujuan memartabatkan seni arca awam sebagai medium yang menyumbang kepada pemerksaan budaya, pendidikan, dan inovasi seni yang lestari serta inklusif, dengan matlamat untuk memperkenalkan arca awam sebagai wahana seni kontemporari yang menyatukan unsur warisan, simbolisme, dan inovasi dalam konteks budaya Negeri Perak. Melalui pendekatan seni awam, projek ini mencipta satu titik tumpu ruang sosial yang tidak hanya berfungsi sebagai hiasan fizikal, tetapi juga sebagai medium peringatan sejarah, pemaknaan simbolik, dan penyatuan identiti komuniti pelbagai kaum. Kehadiran seni awam seperti ini dapat memperindah ruang fizikal, memberi daya tarikan unik kepada kawasan setempat, dan membuka peluang kepada masyarakat untuk lebih menghargai elemen seni dalam kehidupan harian mereka. Selain menjadi mercu tanda baharu, arca ini turut berperanan sebagai pemangkin kepada interaksi sosial, perhimpunan komuniti, serta pencetus minat terhadap sejarah dan warisan tempatan tambahan pula Kesultanan Perak akan mencapai 500 tahun penubuhannya pada 2028. Ia juga berpotensi menggalakkan semangat kebersamaan dan medan ukhuwah antara generasi lama dan baharu melalui perkongsian naratif sejarah tempatan yang dizahirkan dalam bentuk seni. Projek ini juga merupakan inovasi yang memperkenalkan bentuk ekspresi arca awam yang menggabungkan elemen estetika moden dengan makna tradisional Melayu, menjadikan arca ini sebagai naratif visual yang relevan dengan masyarakat hari ini. Inovasi turut dilihat dalam pendekatan kolaboratif antara institusi pendidikan, komuniti dan pihak berkuasa tempatan yang memperkukuhkan potensi seni awam sebagai jambatan antara seni, warisan dan pembangunan sosial.

1.1 Objektif Kajian

1. Menganalisis bagaimana seni arca awam berfungsi sebagai medium representasi identiti budaya Perak, khususnya melalui simbol, ikon dan nilai sejarah yang berkaitan dengan Kesultanan Perak.
2. Meneliti peranan arca awam dalam membentuk naratif budaya tempatan di ruang awam, sebagai manifestasi hubungan antara warisan tradisi, identiti kolektif dan konteks sosial masyarakat Perak.
3. Menilai keberkesanan seni arca awam sebagai penanda identiti budaya dan memori kolektif, khususnya dalam memperkukuh imej dan jati diri Perak dalam landskap budaya dan pelancongan negeri.

2 SOROTAN LITERATUR

Arca awam merupakan medium komunikasi visual yang menghubungkan sejarah, ruang dan masyarakat melalui representasi simbolik yang dizahirkan menerusi bentuk, bahan dan konteks penempatannya dalam ruang awam. Miles (1997) dan Hein (2006) menegaskan bahawa arca awam berfungsi sebagai alat komunikasi visual dan dialog sosial yang menghubungkan sejarah, tempat dan komuniti. Pandangan ini kekal relevan dalam konteks kontemporari apabila seni arca awam semakin dilihat bukan sekadar elemen estetika, tetapi sebagai ruang wacana budaya yang membentuk makna dan identiti kolektif dalam sesebuah masyarakat. Dalam konteks seni visual Malaysia, kajian turut menunjukkan bahawa karya seni awam berupaya berfungsi sebagai penanda identiti tempat serta medium penyampaian nilai budaya kepada masyarakat setempat (Rahman & Ismail, 2019).

Dalam konteks yang lebih luas, Sharp, Pollock dan Paddison (2005) menyatakan bahawa seni awam berupaya menzahirkan inklusiviti serta memantulkan kepelbagaian budaya dalam komuniti majmuk melalui representasi simbol dan naratif tempatan. Selari dengan pandangan ini, seni arca awam berfungsi sebagai medium yang merakam memori sosial dan pengalaman kolektif, dalam masa yang sama dapat memperkukuh hubungan antara masyarakat dengan ruang awam yang mereka diami. Konsep ini yang menekankan bahawa makna dalam seni awam terbentuk melalui interaksi antara bentuk visual, orientasi, bahan dan konteks spatial, menjadikan arca awam sebagai medium komunikasi antara sejarah, tempat dan komuniti. Penyelidikan dalam konteks seni visual tempatan turut menegaskan bahawa penggunaan simbol budaya dalam karya seni awam berperanan penting dalam membentuk naratif identiti dan memori kolektif masyarakat (Zainuddin & Abdullah, 2021).

Dalam konteks pembangunan seni arca awam di Malaysia, kajian oleh Omar (2021) berkaitan projek PublikArt di Iskandar Puteri, Johor turut menunjukkan bahawa seni arca awam berperanan sebagai medium komunikasi visual yang menghubungkan idea kontemporari dengan pengalaman masyarakat dalam ruang bandar. Begitu juga, Ibrahim (2012) menjelaskan bahawa arca awam bukan sahaja berperanan memperindah ruang fizikal, tetapi turut berfungsi sebagai medium penyampaian naratif identiti nasional serta kesinambungan sejarah dan budaya tempatan. Beberapa penyelidikan mutakhir antaranya oleh Mohd Anis (2020) serta Rashid, Abdullah dan Mohamad (2023) menunjukkan bahawa seni arca awam di Malaysia semakin berkembang ke arah peranan yang lebih signifikan, khususnya dalam aspek interpretasi budaya, pemerkasaan identiti setempat dan penjenamaan tempat. Perkembangan ini menandakan peralihan seni awam daripada objek pasif kepada penanda identiti dan simbol memori kolektif dalam landskap budaya tempatan. Ahmad dan Othman (2020) turut menegaskan bahawa dalam seni visual kontemporari Malaysia, elemen simbolik yang berakar daripada warisan budaya sering digunakan sebagai strategi artistik untuk mengekalkan kesinambungan identiti budaya dalam ruang awam moden.

Keris sebagai subjek seni arca membawa dimensi warisan yang kukuh dan berakar dalam tamadun Melayu. Miksic dan Tranchini (1990) membuktikan bahawa keris berasal dari Kepulauan Melayu dan

tersebar luas di seluruh Nusantara bukan sahaja sebagai senjata, tetapi juga sebagai lambang status sosial, spiritual dan kuasa. Helmi (2019) menegaskan bahawa keris merupakan warisan penting tamadun Melayu yang perlu terus dipelihara maknanya secara visual dan konseptual, bukan sekadar sebagai objek material tetapi sebagai naratif budaya yang memuatkan unsur kosmologi, kepahlawanan dan identiti bangsa. Kajian oleh Yusof et al. (2022) turut menunjukkan bahawa fungsi keris telah mengalami transformasi makna daripada alat pertahanan kepada simbol kesultanan, kedaulatan dan identiti budaya Melayu. Transformasi ini amat ketara dalam konteks institusi Kesultanan Perak, di mana keris berperanan sebagai simbol kuasa dan kedaulatan diraja. Keris-keris utama seperti Keris Taming Sari, Pedang Cura Si Manja Kini, Keris Kuasa dan Keris Seri Gading menjadi elemen penting dalam adat pertabalan dan ritual istiadat Kesultanan Perak, yang memperkukuh peranan keris sebagai lambang kedaulatan dan identiti negeri (Laman Web Rasmi Sultan Perak, n.d.).

Penyelidikan terkini oleh Mohd Zamberi dan Rahman (2020) serta Kassim (2021) menegaskan bahawa pengupayaan semula simbol keris dalam seni kontemporari, khususnya dalam bentuk seni arca dan seni awam, berupaya melestarikan ingatan budaya Melayu dalam bentuk visual moden yang relevan dengan konteks semasa. Pendekatan ini membolehkan simbol keris berfungsi sebagai penanda identiti budaya yang berterusan, merentas generasi dan ruang, serta memperkukuh naratif budaya tempatan dalam landskap seni awam. Dalam konteks ini, seni arca awam berasaskan simbol tradisi bukan sahaja berperanan sebagai ekspresi artistik, tetapi turut menjadi medium penting dalam memperkukuh hubungan antara warisan budaya, ruang awam dan masyarakat kontemporari (Rahman & Ismail, 2019; Zainuddin & Abdullah, 2021).

3 KONTEKS

Kajian kontekstual merujuk kepada analisis yang meneliti hubungan antara karya seni dengan konteks persekitarannya. Tema arca "Menggendang Keris" menyentuh pelbagai aspek penting yang berkait rapat dengan merangkumi aspek sejarah, budaya, sosial, geografi, politik dan institusi yang membentuk makna pada karya. Dalam kajian ini, konteks tidak terhad kepada bentuk visual, tetapi merangkumi lokasi, komuniti, naratif sejarah dan fungsi sosial karya dalam ruang awam, budaya, dan identiti masyarakat Malaysia, khususnya negeri Perak.

3.1 Representasi Identiti Budaya Perak

Berdasarkan imej arca pada *Figure 1*, arca ini menampilkan tangan kanan yang menggendang keris secara menegak ke atas, satu gestur simbolik yang kuat dalam budaya Melayu. Posisi genggamannya yang kukuh dan orientasi keris yang menjulang ke atas melambangkan kedaulatan, keberanian dan unsur kuasa, selari dengan peranan keris sebagai simbol kesultanan dan identiti negeri Perak. Bentuk keris yang berlekuk (luk) menegaskan kesinambungan tradisi warisan Melayu, manakala skala arca yang berskala besar, memperkukuh fungsinya sebagai ikon visual identiti budaya dalam ruang awam.

Dalam konteks ini, arca tidak berfungsi sebagai objek hiasan semata-mata, tetapi sebagai representasi simbolik identiti Perak yang boleh ditafsir oleh masyarakat setempat dan pengunjung. Genggamannya melambangkan pemilikan dan pemeliharaan warisan, Ia mencerminkan hubungan antara generasi kini dengan sejarah, adat dan kaitan dengan alat kebesaran Kesultanan Perak.



Figure 1 Ilustrasi Tiga Komposisi arca dan arca “Menggenggam Keris” di Dataran Jeti, Bagan Datuk, Perak

3.2 Analisis Bentuk melalui Ikon dan Simbol

Bentuk arca Menggenggam Keris menampilkan imej tangan kanan yang menggenggam keris secara tegak dan menghala ke langit, satu komposisi simbolik yang merujuk secara langsung kepada falsafah Melayu iaitu; “di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung”. Falsafah ini menggambarkan keseimbangan antara kehidupan duniawi dan ketaatan kepada nilai spiritual, di mana manusia berakar pada adat dan tanah tempat berpijak, namun tetap menjunjung perintah Tuhan dan struktur pemerintahan beraja (Wan Hashim, 2010). Dalam konteks ini, orientasi keris yang menjulang ke atas menzahirkan hubungan antara manusia dan penciptanya. Begitu juga dalam konteks kenegaraan menunjukkan kesetiaan kepada kedaulatan raja-raja dan sekali gus mengukuhkan makna kesetiaan dan legitimasi kuasa dalam budaya Melayu Perak.

Pemilihan tangan kanan sebagai elemen utama arca turut membawa makna simbolik yang signifikan. Dalam tradisi Melayu dan Islam, tangan kanan sering dikaitkan dengan keadilan, kemuliaan dan perbuatan yang terpuji serta beradap. Warna perak pada tangan tersebut melambangkan rakyat negeri Perak sebagai tonggak utama yang mendukung institusi kesultanan dan kesinambungan warisan budaya. Warna perak juga sering dikaitkan dengan nilai kesederhanaan, kejujuran dan kebersihan niat. Ia memperlihatkan hubungan timbal balik antara rakyat dan raja iaitu pemimpin dalam struktur sosial Melayu.

Hulu keris yang dihiasi dengan batu nilam berwarna-warni pula membawa simbol kemewahan, kehalusan seni dan kepelbagaian budaya. Dalam konteks sejarah Melayu, hulu keris bukan sekadar elemen fungsional, tetapi lambang status, keindahan estetika dan kekayaan makna simbolik. Kepelbagaian warna batu nilam pada hulu keris boleh ditafsirkan sebagai representasi masyarakat majmuk Malaysia yang hidup dalam kerangka budaya Melayu sebagai teras, selari dengan pandangan Sharp, Pollock dan Paddison (2005) bahawa seni awam berupaya memantulkan pluraliti budaya dalam ruang awam.

Selain itu, kedudukan arca di atas tapak yang tinggi membolehkan pengunjung mendekati dan melihat bahagian hulu keris dari sudut bawah mewujudkan pengalaman interaksi simbolik yang signifikan. Manakala dari satu posisi tertentu, seakan memberi ilusi seolah-olah pengunjung sedang mencium keris, satu perlakuan yang merujuk kepada elemen penting dalam istiadat diraja Melayu sebagai tanda taat setia dan penghormatan terhadap kedaulatan raja. Interaksi ini menjadikan arca bukan sekadar objek visual statik, tetapi medium pengalaman budaya yang menghubungkan khalayak dengan tradisi dan memori kolektif Kesultanan Perak dalam ruang awam kontemporari.

3.2.1 Warisan Sejarah dan Kebudayaan: Simbol Kedaulatan dan Kepahlawanan

Keris merupakan senjata tradisional yang mempunyai kedudukan istimewa dalam budaya Melayu, bukan sahaja sebagai alat pertahanan fizikal, tetapi sebagai simbol kepahlawanan, keberanian dan kedaulatan. Dalam sejarah Melayu, keris sering dikaitkan dengan pahlawan, pembesar dan institusi kesultanan, sekali gus melambangkan kuasa, maruah dan legitimasi pemerintahan. Penggunaan subjek keris dalam arca Menggenggam Keris menegaskan usaha untuk mengangkat dan memelihara makna simbolik warisan ini dalam bentuk visual kontemporari, sekali gus menekankan kepentingan mempertahankan kesinambungan sejarah dan identiti budaya negeri Perak dalam ruang awam.

Dari sudut semiotik, keris dalam arca ini berfungsi sebagai tanda visual yang membawa lapisan makna sejarah dan budaya yang mendalam. Ia bukan sekadar merujuk kepada kepahlawanan fizikal, tetapi juga kepada kepahlawanan moral dan tanggungjawab menjaga kedaulatan negeri serta kesejahteraan rakyat. Seperti yang diujahkan oleh Yusof et al. (2022), makna keris telah berkembang daripada senjata peperangan kepada simbol kedaulatan, kuasa politik dan identiti budaya Melayu, khususnya dalam konteks institusi diraja. Justeru, kehadiran keris dalam arca awam ini memperkukuh peranannya sebagai lambang kedaulatan yang dapat dihayati oleh masyarakat umum.

Perkaitan arca ini dengan adat pertabalan Sultan Perak di Beting Beras Basah memperlihatkan hubungan langsung antara simbol keris dengan sejarah awal Kesultanan Perak. Upacara pertabalan yang berakar di Beting Beras Basah bukan sahaja menandakan permulaan pemerintahan Sultan Perak yang pertama, tetapi juga menjadi simbol kesinambungan tradisi, kuasa dan hubungan antara raja dan rakyat. Dengan merujuk secara simbolik kepada adat pertabalan ini, arca Menggenggam Keris berfungsi sebagai peringatan visual terhadap asas sejarah dan budaya negeri Perak yang berteraskan institusi kesultanan.

Dalam konteks seni arca awam, pengolahan simbol keris sebagai ikon utama membolehkan warisan sejarah dan kebudayaan ini diterjemahkan dalam bentuk yang mudah dikenali dan dihayati oleh khalayak pelbagai lapisan. Pendekatan ini selari dengan pandangan Hein (2006) yang menegaskan bahawa seni awam berupaya berfungsi sebagai medium komunikasi sejarah dan memori kolektif dalam ruang awam. Oleh itu, arca ini bukan sahaja menzahirkan simbol kepahlawanan dan kedaulatan, tetapi turut memainkan peranan penting dalam mengekalkan ingatan budaya dan identiti Kesultanan Perak dalam konteks kontemporari.

3.2.2 Spiritual dan Keesaan

Bilah keris yang menghala ke arah langit dalam arca ini membawa makna simbolik yang berakar dalam falsafah hidup masyarakat Melayu, khususnya melalui pepatah “di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.” Pepatah ini merujuk kepada prinsip keseimbangan antara tanggungjawab manusia terhadap dunia nyata yang didiami (bumi) dan ketaatan terhadap perintah Tuhan Yang Maha Esa (langit). Dalam konteks budaya Melayu yang berteraskan Islam, falsafah ini mencerminkan kesatuan antara aspek jasmani dan rohani, di mana kehidupan duniawi tidak terpisah daripada nilai spiritual dan keimanan.

Orientasi bilah keris yang menjulang ke atas menzahirkan konsep menjunjung nilai ketuhanan dan keesaan Tuhan sebagai asas pembentukan akhlak, kepimpinan dan tatanan sosial. Simbol ini selari dengan pandangan Nasr (1997) yang menegaskan bahawa dalam kosmologi Islam, arah menegak sering dikaitkan dengan hubungan transendental antara manusia dan Pencipta. Dalam arca ini, hubungan menegak tersebut diterjemahkan secara visual melalui keris, yang berfungsi sebagai medium penghubung antara dimensi spiritual dan realiti kehidupan masyarakat.

Pada masa yang sama, genggam tangan terhadap keris menandakan kebertanggungjawaban manusia sebagai khalifah di bumi. Ia melambangkan keperluan untuk memelihara keseimbangan antara keimanan, etika dan tanggungjawab sosial dalam kehidupan bermasyarakat. Konsep keseimbangan merupakan asas penting dalam pandangan alam Melayu Islam, di mana ketaatan kepada Tuhan harus dizahirkan melalui tindakan yang adil, beretika dan berfaedah kepada masyarakat.

Oleh itu, pengolahan bilah keris yang menghala ke langit dalam arca Menggenggam Keris bukan sahaja menegaskan nilai spiritual dan keesaan Tuhan, tetapi turut berfungsi sebagai peringatan visual tentang kepentingan menyatukan keimanan, tanggungjawab sosial dan identiti budaya dalam ruang awam. Arca ini mengajak khalayak merenung hubungan antara manusia, Tuhan dan masyarakat, sekali gus memperkukuh peranan seni arca awam sebagai medium refleksi spiritual dan pembentukan jati diri budaya dalam konteks kontemporari.

3.2.3 Simbol Identiti Negeri Perak, Kepelbagaian Budaya dan Perpaduan

Masyarakat Cina dan India di Malaysia, sebagai sebahagian daripada komuniti yang berbilang kaum, mungkin mempunyai pandangan yang berbeza mengenai keris berdasarkan latar belakang budaya dan sejarah masing-masing. Walaupun keris secara tradisionalnya berkait rapat dengan budaya Melayu, terdapat beberapa aspek yang boleh dikaitkan dengan budaya Cina dan India melalui nilai-nilai universal seperti keberanian, kekuatan, spiritualitas, dan penghormatan kepada warisan dan seni. Masyarakat berbilang kaum di Malaysia dapat melihat keris sebagai simbol perpaduan dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya yang wujud di negara ini.

Hulu keris yang bertatahkan batu nilam dengan pelbagai warna pula menambah dimensi makna yang berkaitan dengan kemewahan, kehalusan seni dan nilai estetika dalam budaya Melayu. Dalam tradisi seni halus Melayu, penggunaan batu permata pada hulu keris bukan sekadar elemen hiasan, tetapi melambangkan status, kebijaksanaan dan penghormatan terhadap keindahan seni. Penggunaan warna merah, biru dan hijau pada batu nilam boleh ditafsirkan sebagai representasi masyarakat majmuk Malaysia yang terdiri daripada pelbagai latar etnik dan budaya. Warna-warna ini berfungsi sebagai metafora visual kepada kepelbagaian, keharmonian, dan seni awam berperanan memantulkan pluraliti budaya serta menyumbang kepada pembentukan perpaduan sosial dalam ruang awam.

Selain itu, arca ini mencerminkan kepelbagaian budaya dan bangsa di Malaysia, termasuk masyarakat Cina, India, dan lain-lain etnik. Kepelbagaian ini akan digambarkan melalui elemen-elemen tambahan dalam arca tersebut:

Table 1 Pandangan Masyarakat Cina dan India terhadap Simbolisme Keris

Aspek	Pandangan Masyarakat Cina	Pandangan Masyarakat India
Simbolisme Keberanian	Mengaitkan keris dengan kekuatan seperti senjata tradisional (jian, dao) dalam seni mempertahankan diri.	Mengaitkan keris dengan keberanian dan spiritualitas seperti senjata dewa dalam ikonografi Hindu.
Penghormatan Warisan	Menghargai keris sebagai simbol warisan Melayu, mencerminkan penghormatan budaya silang kaum.	Melihat keris sebagai elemen penting dalam menghargai tradisi dan kepelbagaian budaya Malaysia.
Seni & Estetika	Mengagumi ukiran halus dan nilai estetika keris, sejajar dengan minat terhadap seni tradisional Cina.	Menghargai ukiran dan hiasan keris, sesuai dengan kecintaan terhadap seni dan batu permata.

3.2.4 Penggunaan Warna Dalam Arca

Penggunaan warna boleh membawa makna yang mendalam dan berkait rapat dengan pelbagai elemen budaya dan simbolik, terutama dalam konteks negeri Perak dan kepelbagaian kaum di Malaysia.

Secara asasnya warna arca dicadangkan menggunakan warna dari kesan logam (*metal look*) melibatkan warna emas, perak dan gangsa, dan juga penggunaan perbagai warna untuk permata nilam yang tertera pada bahagian hulu keris seperti merah, biru dan hijau. Berikut adalah bagaimana warna-warna ini boleh dikaitkan:

3.2.4.1 Warna Perak (Silver)

1. Bentuk tangan yang menggendang - diwarnakan perak untuk melambangkan negeri Perak dan kedaulatannya dan tangan genggaman melambangkan mutlak hak milik orang Perak.
2. Simbol Negeri Perak - warna perak secara langsung boleh dikaitkan dengan negeri Perak. Nama negeri ini sendiri berasal dari perkataan "perak," yang merujuk kepada logam berharga yang melambangkan kemakmuran dan kekayaan. Menggunakan warna perak dalam arca ini akan menekankan hubungan khusus dengan identiti negeri Perak dan rakyatnya. Arca tangan diwarnakan dengan warna perak membawa erti rakyat negeri Perak secara simbolik sedang menggendang Keris.
3. Ketenangan dan keberanian - warna perak juga melambangkan ketenangan, kemurnian, dan keberanian. Ini selaras dengan nilai-nilai yang dipegang oleh masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, termasuk Cina dan India, yang menghargai ketenangan dan keberanian dalam tradisi budaya Malaysia.

3.2.4.2 Warna Emas (Gold)

1. Hulu keris diwarnakan menggunakan warna emas untuk melambangkan kekayaan dan keagungan.
2. Simbol kekayaan dan keagungan - warna emas sering dikaitkan dengan kekayaan, keagungan, dan kemuliaan. Dalam budaya Melayu, emas melambangkan keagungan dan kedaulatan. Masyarakat Cina juga melihat emas sebagai simbol kekayaan dan nasib baik, manakala masyarakat India mengaitkannya dengan kemuliaan dan keberuntungan.
3. Penghargaan Universal - emas adalah warna yang dihargai oleh semua budaya di Malaysia. Menggunakan warna emas pada elemen tertentu pada arca, seperti hulu keris atau hiasan nilam, boleh menonjolkan nilai universal penghargaan terhadap kekayaan budaya dan sejarah.

3.2.4.3 Warna Gangsa (Bronze)

1. Bilah Keris diwarnakan dengan warna gangsa untuk melambangkan ketahanan dan keabadian, serta kepelbagaian budaya warisan.
2. Simbol ketahanan dan warisan - warna gangsa melambangkan ketahanan dan kekuatan. Dalam konteks sejarah, gangsa sering digunakan untuk membuat patung dan senjata, melambangkan ketahanan dan keabadian. Ini sesuai dengan keris yang melambangkan kepahlawanan dan kekuatan.
3. Kepelbagaian dan kesatuan - gangsa, yang merupakan campuran beberapa logam, boleh melambangkan kepelbagaian budaya di Malaysia. Ia mencerminkan bagaimana pelbagai elemen budaya yang berbeza boleh bersatu untuk membentuk sesuatu yang kuat dan tahan lama.

3.2.4.4 Warna Tambahan (Merah, Biru dan Hijau)

1. Warna Tambahan; arca diwarnakan dengan warna-warna seperti merah, biru, dan hijau, untuk menonjolkan kepelbagaian budaya kaum di Malaysia.
2. Tatah Batu Nilam - Batu permata pada hulu keris diwarnakan merah, biru dan hijau bagi menambahkan elemen kemewahan dan kemurnian, melambangkan kepelbagaian bangsa dan budaya di Malaysia

Dengan menggabungkan warna-warna ini, arca "Menggenggam Keris" bukan sahaja menjadi simbol keagungan dan kekuatan, tetapi juga penghormatan kepada tradisi dan sejarah yang mendalam. Penggunaan warna perak, emas, dan gangsa akan menambah dimensi simbolik yang mencerminkan kepelbagaian dan kekayaan budaya masyarakat Malaysia, sambil menonjolkan hubungan khusus dengan negeri Perak.

Secara keseluruhan, pengolahan warna perak, simbol adat mencium keris dan penggunaan batu nilam berwarna-warni dalam arca Menggenggam Keris memperlihatkan usaha menyepadukan identiti negeri Perak, nilai tradisi Melayu dan realiti masyarakat majmuk Malaysia. Gabungan elemen-elemen ini menjadikan arca tersebut bukan sahaja sebagai representasi identiti budaya tempatan, tetapi juga sebagai simbol perpaduan dan keharmonian dalam landskap seni awam kontemporari.

3.3 Naratif Budaya dalam Ruang Awam

Penempatan arca di kawasan terbuka berlatar belakang langit dan persekitaran maritim Bagan Datuk memberikan konteks unik yang signifikan. Hubungan antara arca, ruang dan persekitaran memperlihatkan bagaimana seni arca awam membentuk naratif budaya tempatan yang berakar pada sejarah dan geografi setempat. Bagan Datuk sebagai kawasan pesisir dan pintu masuk pelancongan daerah diperkukuh identitinya melalui kehadiran arca ini sebagai penanda budaya dan mercu tanda visual. Komposisi arca dengan gestur menegak yang dominan dalam ruang local, mencipta pengalaman visual yang autoritatif, mengajak khalayak berinteraksi secara simbolik dengan sejarah dan identiti tempatan. Pengunjung khususnya para pelancong akan tertarik membuat *content* dan akan *update* status mereka di media sosial apabila berkunjung ke Bagan Datuk. Dalam konteks ini, arca berfungsi sebagai medium wacana budaya, di mana ruang awam menjadi tapak pertemuan antara warisan, masyarakat dan memori kolektif. Lebih penting lagi, arca ini memperkukuhkan hubungan antara masyarakat dan warisan budaya melalui seni awam yang menyentuh pelbagai lapisan komuniti.

3.3.1 Lokasi Strategik, Ekonomi dan pelancongan

Menempatkan arca awam di lokasi strategik seperti kawasan hadapan jeti (waterfront) Bagan Datuk berpotensi meningkatkan daya tarikan pelancongan melalui pembentukan identiti visual yang jelas dan mudah dikenali. Seni arca awam yang ditempatkan di ruang tumpuan pelawat sering berfungsi sebagai mercu tanda (landmark) yang membentuk pengalaman pertama pengunjung terhadap sesuatu tempat serta mengukuhkan imej destinasi tersebut. Dalam konteks ini, arca Menggenggam Keris bukan sahaja memperkayakan landskap visual kawasan pesisir, tetapi turut berfungsi sebagai penanda identiti budaya Perak yang mampu menarik perhatian pelancong tempatan dan antarabangsa.

Kehadiran mercu tanda seni awam di kawasan waterfront juga selari dengan konsep *place branding*, di mana elemen budaya dan warisan dimanfaatkan untuk meningkatkan nilai simbolik dan ekonomi sesebuah lokasi. Arca awam yang berteraskan simbol budaya tempatan dapat memperkukuh naratif tempat serta mewujudkan hubungan emosi antara pelawat dengan destinasi, sekali gus meningkatkan tempoh lawatan dan keterlibatan pengunjung. Dalam konteks lokasi Bagan Datuk, arca ini berpotensi menjadi ikon pelancongan baharu yang menyokong agenda Tourism Perak dalam mengetengahkan tarikan di peringkat daerah.

Penempatan arca Menggenggam Keris di Dataran Jeti Bagan Datuk bukan sahaja menyumbang kepada nilai estetika dan simbolik ruang awam, tetapi turut berperanan sebagai pemangkin pembangunan pelancongan dan ekonomi setempat melalui pendekatan seni awam berteraskan identiti budaya. Ia menjadi mercu tanda visual serta menyumbang kepada peningkatan ekonomi tempatan. Peningkatan kehadiran pelancong secara langsung dijangka merangsang aktiviti ekonomi komuniti setempat. Menurut Richards (2011), pelancongan berasaskan budaya dan seni awam mampu mewujudkan limpahan ekonomi kepada penduduk tempatan, khususnya dalam sektor perkhidmatan. Kehadiran pelancong membuka peluang perniagaan dalam bidang penginapan, makanan dan minuman, perkhidmatan bot atau rekreasi pesisir, serta penjualan cenderamata berasaskan identiti tempatan. Seni

awam di Malaysia berupaya menyumbang kepada pemerkasaan ekonomi komuniti melalui pengukuhan identiti tempat dan peningkatan aktiviti pelancongan.

3.3.2 Tapak Arca

Imej *Figure 1* menunjukkan arca dipasang di atas tapak batu marmar yang kukuh, melambangkan asas sejarah dan kesinambungan tradisi. Tapak ini berfungsi bukan sahaja sebagai struktur sokongan fizikal, tetapi sebagai simbol kestabilan identiti budaya Perak. Kehadiran arca dalam ruang awam membolehkan ia menjadi titik rujukan visual yang berulang kali dialami oleh masyarakat dan pelawat, seterusnya membentuk memori kolektif berkaitan warisan Melayu dan Kesultanan Perak.

Dalam konteks lima dekad Kesultanan Perak, arca ini boleh ditafsir sebagai manifestasi awal naratif sejarah negeri yang dizahirkan melalui seni visual kontemporari. Keberkesanan arca sebagai penanda identiti bukan terletak pada naratif teks, tetapi pada kekuatan simbol visual yang mudah dikenali, berdaya ingat dan mampu merentas latar belakang khalayak yang pelbagai.

4 KESIMPULAN

Kajian ini dapat dirumuskan bahawa seni arca awam Menggendang Keris berperanan secara signifikan sebagai medium representasi identiti budaya Perak dalam ruang awam kontemporari. Melalui pengolahan ikon dan simbol keris, bentuk genggaman tangan, orientasi menegak serta pemilihan warna dan material, arca ini berjaya menzahirkan nilai sejarah, kedaulatan dan falsafah hidup masyarakat Melayu yang berakar pada institusi Kesultanan Perak. Dapatan ini secara langsung menjawab kajian, iaitu bagaimana seni arca awam berfungsi sebagai medium representasi identiti budaya Perak.

Dari sudut naratif budaya, kajian ini menunjukkan bahawa penempatan arca di lokasi strategik Dataran Jeti Bagan Datuk membolehkan karya ini berfungsi sebagai penanda identiti tempatan dan pembentuk naratif budaya dalam ruang awam. Hubungan antara simbol keris, konteks geografi pesisir dan sejarah pertabalan Sultan Perak mewujudkan makna berlapis yang menghubungkan warisan tradisi dengan pengalaman sosial semasa, iaitu meneliti peranan arca awam dalam membentuk naratif budaya tempatan serta hubungan antara sejarah, ruang dan masyarakat.

Selain itu, kajian ini turut mendapati bahawa Menggendang Keris berkesan sebagai penanda memori kolektif dan simbol perpaduan masyarakat majmuk. Elemen seperti adat mencium keris, penggunaan warna perak sebagai representasi identiti negeri, serta batu nilam berwarna-warni sebagai metafora kepelbagaian budaya, memperkukuh peranan arca ini sebagai wahana komunikasi budaya yang inklusif. Dapatan ini sangat menyokong kajian ini menilai keberkesanan seni arca awam sebagai penanda identiti budaya dan memori kolektif dalam landskap budaya Perak.

Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa seni arca awam bukan sekadar elemen estetika atau mercu tanda fizikal, tetapi medium strategik yang mampu mengartikulasikan identiti budaya, memelihara warisan sejarah dan memperkukuh jati diri tempatan dalam ruang awam. Dalam konteks inisiatif Tourism Perak dan persediaan menuju sambutan 500 Tahun Kesultanan Perak pada tahun 2028, arca Menggendang Keris berfungsi sebagai manifestasi visual warisan yang relevan dan berkesan, serta menyumbang kepada pembentukan imej budaya negeri yang berterusan dan bermakna.

RUJUKAN

- Ahmad, S., & Othman, N. (2020). Cultural symbolism in Malaysian contemporary visual art. *Ideology Journal of Arts and Social Science*, 5(1), 45–56.
- Alatas, S. H. (2001). *Intellectuals in developing societies*. Frank Cass.
- Ashworth, G. J., & Kavaratzis, M. (2010). *Towards effective place brand management: Branding European cities and regions*. Edward Elgar Publishing.

- Biggs, M., & Karlsson, H. (2011). *The Routledge companion to research in the arts*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203841322>
- Buyong Adil. (1981). *Sejarah Perak*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Evans, G. (2003). Hard-branding the cultural city: From Prado to Prada. *International Journal of Urban and Regional Research*, 27(2), 417–440. <https://doi.org/10.1111/1468-2427.00455>
- Hall, T., & Robertson, I. (2001). Public art and urban regeneration: Advocacy, claims and critical debates. *Landscape Research*, 26(1), 5–26. <https://doi.org/10.1080/01426390120024457>
- Hein, H. (2006). *Public art: Thinking museums differently*. Rowman & Littlefield.
- Helmi, H. (2019). *Keris dalam tradisi dan budaya Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, Z. (2012). Seni awam dan pembentukan identiti nasional di Malaysia. *Jurnal Seni Malaysia*, 6(2), 15–28.
- Kassim, R. (2021). The semiotics of Malay royal regalia in modern visual culture. *Wacana Seni Journal*, 20(3), 1–19. <https://doi.org/10.21315/ws2021.20.3.1>
- Laman Web Rasmi Sultan Perak. (n.d.). *Sejarah Kesultanan Perak*. <https://www.sultan.perak.gov.my>
- Masri, N., & Daud, S. (2020). Experiential learning in sculpture education: A case study in Malaysian higher institutions. *Asian Journal of Art Education*, 15(1), 67–82.
- Miles, M. (1997). *Art, space and the city: Public art and urban futures*. Routledge.
- Miksic, J. N., & Tranchini, G. (1990a). *Cultural history of Southeast Asia*. Times Editions.
- Miksic, J. N., & Tranchini, G. (1990b). *Old Javanese gold: The Hunter Thompson collection at the Yale University Art Gallery*. Yale University Press.
- Mohd Anis, N. (2020). Public art and place identity in Malaysian urban spaces. *Journal of Southeast Asian Arts*, 12(2), 45–60.
- Mohd Zamberi, A. R., & Rahman, N. (2020). Symbolism of the Malay keris in contemporary Malaysian art. *Journal of Nusantara Heritage*, 7(1), 25–40.
- Nasr, S. H. (1997). *Islamic art and spirituality*. State University of New York Press.
- Norazman, F., & Zainal, A. (2023). Integrating fabrication skills in public sculpture projects: An educational perspective. *Malaysian Journal of Art and Technology*, 8(1), 55–70.
- Omar, A. (2021). 'Gaya hidup digital': Idea dan penghasilan arca awam dalam projek PublikArt di Iskandar Puteri, Johor Bahru, Johor. *Ideology Journal of Arts and Social Science*, 6(2), 85–98.
- Rahman, F., & Ismail, R. (2019). Public art and cultural identity in Malaysian urban spaces. *Ideology Journal of Arts and Social Science*, 4(2), 23–34.
- Rashid, F., Abdullah, N., & Mohamad, S. (2023). Community engagement and cultural expression in Malaysian public art. *Malaysian Journal of Society and Space*, 19(1), 112–130. <https://doi.org/10.17576/geo-2023-1901-09>
- Sharp, J., Pollock, V., & Paddison, R. (2005). Just art for a just city: Public art and social inclusion in urban regeneration. *Urban Studies*, 42(5–6), 1001–1023. <https://doi.org/10.1080/00420980500106963>
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1990). *Islam and the philosophy of science*. International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Wan Hashim, W. T. (2010). *Pemikiran dan budaya Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusof, M., Mamat, M., Keng, L. C., & Haron, M. H. (2022). Keris dalam konteks kontemporari: Dari senjata ke lambang identiti. *Jurnal Warisan Melayu*, 14(2), 45–62.
- Yusof, N., Ahmad, R., & Hassan, S. (2022). *Keris dan tamadun Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainuddin, N., & Abdullah, M. (2021). Cultural heritage representation in Malaysian public art practices. *Ideology Journal of Arts and Social Science*, 6(1), 67–78.